

Negara yang akan rugi: PM

BH 31 OCT 1986

Oleh AHMAD PUAD ONAH

ALOR STAR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran, negara dan rakyat akan menghadapi padahnya jika berlaku sebarang kekacauan perusahaan.

Perdana Menteri berkata, ekonomi negara akan mengambil masa yang lebih lama untuk pulih dan rakyat akan menderita sekiranya kekacauan perusahaan berlaku.

Beliau ditanya sama ada kerajaan sanggup menghadapi kekacauan perusahaan sekiranya Cuepacs dan MTUC tidak dapat menyelesaikan isu-isu kenaikan kadar faedah pinjaman perumahan dan kenderaan kakitangan awam, penghapusan skim pencen dan pembekuan kenaikan gaji seperti diumumkan dalam Belanjaan Negara 1987 baru-baru ini.

"Ini bukan soal kerajaan menghadapi kekacauan perusahaan, ia adalah soal negara menghadapi kekacauan perusahaan.

"Saya percaya jika kekacauan perusahaan berlaku, ekonomi negara akan mengambil masa yang lebih lama untuk pulih dan negara akan menghadapi padahnya. Bukan kerajaan yang akan menghadapi padahnya," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Umno negeri di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, beliau sedia menemui Cuepacs

mengenai isu-isu berkenaan jika didapati perlu.

"Bagaimanapun, adalah mustahil untuk saya menemui semua orang mengenai semua isu. Jika perkara itu boleh diselesaikan dengan pihak lain, saya berpendapat adalah lebih baik mereka berjumpa pihak berkenaan dulu.

"Saya sepatutnya menjadi orang yang mereka temui sebagai jalan terakhir," katanya.

Perdana Menteri berkata, adalah lebih elok Cuepacs menemui pegawai-pegawai dan menteri lain terlebih dulu untuk mendapatkan penerangan dan membincangkan isu-isu itu.

Kerja lain

"Saya kena keliling seluruh Malaysia dan saya juga ada kerja lain yang perlu dibuat. Kalau semua saya kena buat sendiri, payahlah sikit," tambahnya.

Beliau juga berkata, kerajaan sedia menimbang formula pilihan Cuepacs kepada isu-isu berkenaan jika ia menolong kerajaan dan tidak membebarkannya.

"Yang saya takut bila ada formula daripada pihak Cuepacs, kalau kita tak setuju, masalah itu tak selesai. Ini yang susah, kerana penyelesaian bagi setengah pihak ialah kita kena memper-setujui," katanya.

Mengenai lawatannya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau yakin ramai pegawai kerajaan yang ditemuinya sejak melawat Perlis dan Kedah mulai semalam, memahami masalah yang

dihadapi oleh kerajaan.

"Sebelum saya buat penerangan ada yang tak faham, tetapi selepas itu saya fikir ramai yang faham. Bila kerajaan kata tak ada duit, kenapa kita tak ada duit," tambahnya.

Pinjaman

Mengenai pinjaman perumahan, beliau berkata, kerajaan menggalakkan kakitangannya yang sudah lama berkhidmat memohon pinjaman itu bagi mengelakkan kesulitan kepada mereka untuk menjelaskan bayaran bulanan.

"Sepatutnya orang yang meminta pinjaman perumahan sudah bekerja dengan kerajaan sekian lama, ini bermakna gajinya sudah meningkat sehingga ke paras ia boleh meminjam dan membayar balik dengan tidak menjadi beban yang berat," katanya.